
International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW, GOVERNMENT AND COMMUNICATION (IJLGC)
www.gaexcellence.com/ijlgc

IMPLIKASI UNDANG-UNDANG 'TIADA KLAUSA PANDANG BELAKANG' DALAM KONTRAK INSURANS MALAYSIA BAGI SYARIKAT-SYARIKAT INSURANS DAN PEMEGANG-PEMEGANG POLISI

LEGAL IMPLICATIONS OF NO LOOK-BACK CLAUSES IN MALAYSIAN INSURANCE CONTRACTS FOR INSURANCE COMPANIES AND POLICYHOLDERS

Wong Hua Siong[1]*

[1]Faculty of Law, Multimedia University, Melaka, Malaysia
wonghuasiong@yahoo.com
hswong@mmu.edu.my
https://orcid.org/0000-0002-8073-5757
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 23.07.2026
Revised date: 12.08.2026
Accepted date: 17.09.2026
Published date: 30.09.2026

To cite this document:

Wong, H. S. (2026). Implikasi Undang-Undang 'Tiada Klausa Pandang Belakang' Dalam Kontrak Insurans Malaysia Bagi Syarikat-Syarikat Insurans Dan Pemegang-Pemegang Polisi. International Journal of Law, Government and Communication, 11(45), 805-819.

Abstrak:

Bank Negara Malaysia (BNM) sedang mempertimbangkan satu klausa khas untuk Pelan Insurans dan Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) Asas yang akan memperkenalkan mekanisme 'Tiada Klause Pandang Belakang' bagi melindungi hak pengguna. Mekanisme ini pada asasnya menetapkan bahawa selepas satu tempoh perlindungan berterusan yang dipersetujui, syarikat insurans dan pengendali takaful tidak lagi dibenarkan menolak tuntutan pesakit atas alasan penyakit sedia ada, dan perkara ini juga mengelakkan penolakan tuntutan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful kerana kegagalan pendedahan sejarah penyakit pada masa lalu oleh pemegang polisi. Doktrin asas *uberrimae fidei* atau niat baik sepenuhnya merupakan prinsip tafsiran yang asas dalam kontrak insurans. Walau bagaimanapun, penerapannya perlu dimodenkan bagi mengambil kira ketidakseimbangan kuasa tawar-menawar yang wujud dalam hubungan kontraktual pada masa kini. Artikel ini melibatkan satu kajian kualitatif yang melibatkan kajian secara bersistem mengenai pandangan falsafah dan akademik menerusi literatur. Oleh itu, kajian ini bukanlah satu kajian empirikal, sebaliknya merupakan satu kajian kepustakaan yang bersumberkan pelbagai data primer. Perlindungan hak pengguna dalam bidang ini bergantung kepada prinsip bahawa ketelusan merupakan mekanisme utama dalam membina kepercayaan dalam pasaran insurans.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

DOI: 10.35631/IJLGC.1145051

Kata Kunci:

Insurans, Kontrak, Malaysia, Pandang Belakang

Abstract:

Bank Negara Malaysia (BNM) is considering a special clause for the Basic Medical and Health Insurance and Takaful (MHIT) Plan which will introduce a 'No Look Back Clause' mechanism to protect consumer rights. This mechanism essentially stipulates that after an agreed period of continuous coverage, insurance companies and takaful operators are no longer allowed to reject a patient's claim on the grounds of pre-existing conditions, and it also prevents the rejection of claims due to failure to disclose past medical history, the aim being to provide long-term certainty so that policyholders are not 'stuck' when protection is needed most. The fundamental doctrine of *uberrimae fidei* or absolute good faith is a fundamental interpretative principle in insurance contracts. However, its application needs to be modernised to take into account the imbalance of bargaining power that exists in contractual relationships today. This is a qualitative study involving a systematic review of philosophical and academic views through the literature. Therefore, this study is not an empirical study, but rather a literature review sourced from various primary data. The protection of consumer rights in this area relies on the principle that transparency is a key mechanism in building trust in the insurance market.

Keyword:

Insurance, Contract, Malaysia, Look-Back

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcllence.com

Pengenalan

Sebelum seseorang membeli sesuatu polisi insurans, pada kebiasaannya syarikat insurans dan pengendali takaful akan membuat siasatan tentang latar belakang pembeli tersebut, seperti rekod kesihatan lampau, penyakit yang dihadapinya sekarang dan sebagainya sebelum menentukan penerimaan polisi insurans tersebut. Selain itu, pembeli polisi insurans juga harus membuat pengakuan bahawa segala maklumat yang diberikan olehnya kepada syarikat insurans dan pengendali takaful adalah benar. Tujuan proses ini dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang tuntutan yang tidak berkenaan dan ketidakjujuran pada masa hadapan. Namun demikian, langkah ini telah mendatangkan ketidakmudahan kepada para pembeli polisi insurans kerana mereka mungkin menghadapi masalah bahawa syarikat insurans atau pengendali takaful menolak pembelian tersebut ataupun pembeli polisi insurans mungkin dikenakan premium polisi yang lebih tinggi.

Bagi menyelesaikan isu di atas, Bank Negara Malaysia ('BNM') sedang mempertimbangkan satu klausa khas untuk Pelan Insurans dan Takaful Perubatan dan Kesihatan ('MHIT') Asas yang akan memperkenalkan mekanisme 'Tiada Klause Pandang Belakang' ('no look-back'

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

clause) bagi melindungi hak pengguna (Gerard G. & Benjamin L., 2026).[1] Mekanisme ini pada asasnya menetapkan bahawa selepas satu tempoh perlindungan berterusan yang dipersetujui, syarikat insurans dan pengendali takaful tidak lagi dibenarkan menolak tuntutan pesakit atas alasan penyakit sedia ada atau lampau, dan mekanisme tersebut juga menghalang penolakan tuntutan kerana kegagalan pendedahan sejarah penyakit pembeli polisi pada masa lalu.

Menurut Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, Gabenor Bank Negara Malaysia, beliau menjelaskan bahawa pelan yang dikawal selia ini tidak akan berfungsi seperti sebahagian pelan perubatan swasta semasa yang kadang kala menolak tuntutan atas sebab teknikal, sebaliknya MHIT Asas disasarkan untuk menjadi lebih inklusif, lebih wajar, dan lebih berterusan untuk lebih ramai rakyat termasuk individu yang mempunyai penyakit sedia ada tetapi stabil dan terkawal.

Dalam masa sama, beliau menggariskan realiti industri, syarikat insurans dan pengendali takaful beroperasi melalui pengumpulan risiko, iaitu premium dikumpul daripada beribu-ribuan pemegang polisi untuk membentuk dana bersama bagi menampung kos rawatan yang tidak menentu. BNM juga memaklumkan mekanisme ini sedang dimuktamadkan bersama input pakar perubatan dan industri insurans, termasuk penetapan tempoh menunggu, kelulusan, serta peraturan yang konsisten untuk capai keseimbangan antara akses dan premium mampu milik, dan perincian akan dimuktamadkan sebelum pelan ini dilancarkan.

Perkembangan pesat sektor insurans di Malaysia, yang dijangka terus mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sehingga tahun 2026 dan memerlukan penelitian yang lebih komprehensif terhadap mekanisme pengagihan risiko yang diperuntukkan dalam kontrak insurans (Zainal et al., 2024).[2] Dalam konteks ini, kemunculan klausa "Tiada Klause Pandang Belakang" wajar diberikan perhatian khusus kerana pelaksanaannya telah mengubah cara tradisional di polisi insurans, iaitu wajib mendedahkan segala maklumat secara suci hati (Agustina et al., 2025).[3] Klausa tersebut mengehadkan hak syarikat insurans dan pengendali takaful untuk mencabar semula kecuaian atau ketidakpatuhan pentadbiran yang tidak bersifat material selepas kontrak dimeterai, sekali gus mengalihkan tanggungjawab menjalankan usaha wajar (*due diligence*) kepada peringkat pengunderaitan sebelum kontrak dimuktamadkan (Thanasegaran, 2017).[4] Selain itu, pelaksanaan klausa ini turut mengehadkan skop penyiasatan yang boleh dijalankan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful selepas kontrak polisi insurans ditandatangai dan dikuatkusakan, sekali gus mencabar kerangka perundangan sedia ada yang diperuntukkan di bawah Akta Insurans 1996 dan Akta Takaful 1984,[5] yang secara tradisinya menekankan kewajipan pendedahan yang berterusan sepanjang tempoh kuat kuasa kontrak (Thanasegaran, 2017). Keadaan ini secara tidak langsung memerlukan penilaian

[1] Gerard Gimino and Benjamin Lee (2026, July 6). Bank Negara mulls 'no look back' policy for medical insurance claims, Parliament told. *The Star*. https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/07/06/bank-negara-mulls-no-look-back-policy-for-medical-insurance-claims-parliament-told

[2] Zainal, N. H., Basir, F. A. M., Rinaldi, M., & Rohaizad, W. N. F. (2024). Public Perception Towards Insurance Companies in Malaysia. *Information Management and Business Review*, 16, 539–551. https://doi.org/10.22610/imbr.v16i3s(i)a.4150

[3] Agustina, A., Putri, P. P., Setianingrum, E. K., & Mahadewi, E. P. (2025). Economy Risk Classification and Legal Principles In Insurance Coverage for Modern Insurance Practice in Indonesia. *International Journal of Health and Pharmaceutical (IJHP), 5(2)*, 239–244. https://doi.org/10.51601/ijhp.v5i2.415

[4] Thanasegaran, H. (2017). Utmost Good Faith in Non-marine Insurance Contracts in Malaysia: The Need for Legal Reform [Figshare (United Kingdom)]. In Figshare. https://doi.org/10.4225/03/589a926ee346c

[5] Undang-undang tersebut kini telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

semula terhadap skop liabiliti undang-undang syarikat insurans dan pengendali takaful, dengan mengalihkan penekanan daripada amalan penolakan tuntutan secara retrospektif kepada pendekatan penilaian risiko yang lebih proaktif. Pendekatan tersebut memberi keutamaan kepada penilaian terhadap maklumat yang bersifat material berbanding ketidakpatuhan pentadbiran atau kesilapan teknikal yang tidak memberi kesan substantif terhadap risiko yang ditanggung (Astanti et al., 2025).[6]

Tinjauan Keseluruhan Kerangka Perundangan Yang Sedia Ada

Persekitaran pengawalseliaan di Malaysia, yang sebahagian besarnya dikawal selia oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, pada masa ini masih belum mempunyai keputusan mahkamah yang khusus berhubung dengan penguatkuasaan klausa "Tiada Klausa Pandang Belakang". Keadaan ini mewujudkan suatu kelompongan undang-undang yang berkaitan dengan isu salah nyata (*misrepresentation*) (Latif, 2025).[7] Ketidakjelasan tersebut menjadi lebih kompleks apabila dikaitkan dengan doktrin *uberrimae fidei*, yang secara tradisinya mewajibkan pihak yang diinsuranskan untuk membuat pendedahan secara menyeluruh dan suci hati, di samping mengenakan piawaian etika yang tinggi terhadap syarikat insurans dan pengendali takaful dalam pelaksanaan operasi hariannya (Hua, 2004).[8]

Ketiadaan panduan berkanun yang jelas telah mewujudkan penentangan berkenaan hak syarikat insurans dan pengendali takaful untuk mengelakkan liabiliti di bawah polisi atas alasan kegagalan membuat pendedahan maklumat secara suci hati oleh pemegang polisi untuk memperoleh kepastian undang-undang. Keadaan ini sejajar dengan perbahasan di peringkat antarabangsa mengenai sama ada klausa tersebut seharusnya mengehadkan pembatalan kontrak kepada keadaan yang melibatkan salah nyata secara sengaja (*deliberate misrepresentation*) sahaja (Bach, 2025).[9]

Sehubung dengan itu, perkembangan ini telah mewujudkan tuntutan melalui penggunaan remedi yang lebih bersifat berkadar (*proportional remedies*), yang mengambil kira niat serta tahap kesalahan pemegang polisi insurans, sekali gus beralih daripada pendekatan tradisional yang membatalkan kontrak secara automatik dalam keadaan kegagalan membuat pendedahan yang tidak disengajakan (*innocent non-disclosure*) (Hernoko et al., 2025).[10] Di samping itu, penerimaan mekanisme sedemikian adalah selaras dengan perkembangan antarabangsa yang mengiktiraf penggunaan ujian subjektif terhadap konsep pengunderait yang berhemah, sekali gus menyelaraskan amalan di Malaysia dengan kecenderungan global yang lebih

[6] Astanti, D. I. A. D. I., izziyana, W. vivid, & Dwi, E. (2025). Insurers' Legal Liability in Rejecting Life Insurance Claims: An Analysis of the Medan High Court's Decision No. 47/PDT/2025/PT MDN. *Jurnal Jurisprudence*, 83–99. https://doi.org/10.23917/jurisprudence.v15i1.9996

[7] Latif, M. A. (2025). Unethical practices in Takāful contract: An Analysis of Misrepresentations of Malaysian Industries. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. https://doi.org/10.1108/jiabr-09-2023-0307

[8] Hua, N. A. C. L. (2004). Law and Ethics in The Malaysian Insurance Industry: A Review of Selected Practices. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 31(1), 87–106. https://juku.um.edu.my/index.php/JMCL/article/view/16264

[9] Bach, T. N. N. (2025). Reforming the Duty of Disclosure: The Emerging Shift Towards Consumer Protection in Contemporary Insurance Law. *European Journal of Risk Regulation*, 16(4), 1504–1518. https://doi.org/10.1017/err.2025.10045

[10] Hernoko, A. Y., Amalia, F. N., Ridaningjati, P., Khalifa, K. K., & Marçal, A. P. (2025). The Urgency of Amending Article 251 of the KUHD Related to The Principle of the Utmost Good Faith in Insurance Agreements. *Jurnal Suara Hukum*, 7(2), 540–564. https://doi.org/10.26740/jsh.v7n2.p540-564

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

mengutamakan perlindungan pengguna berbanding keperluan pendedahan mutlak yang diamalkan secara tradisional (Sum, 2020).[11]

Perubahan paradigma ini turut menggambarkan peralihan daripada kewajipan pendedahan secara proaktif kepada suatu model yang meletakkan tanggungjawab utama untuk mendapatkan maklumat melalui proses siasatan kepada syarikat insurans dan pengendali takaful (Albalawi, 2021).[12] Walau bagaimanapun, pendekatan tersebut secara langsung mencabar amalan industri yang masih menggunakan klausa "*basis of contract*", iaitu klausa yang menjadikan semua jawapan dalam borang cadangan sebagai waranti tanpa mengambil kira sama ada maklumat tersebut benar-benar bersifat material terhadap risiko yang diinsuranskan (Mahdzir, 2009).[13]

Selain itu, pengintegrasian klausa sedemikian berpotensi mendorong pelaksanaan proses pertanyaan pengunderaitan yang lebih seragam dan standard, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada penilaian subjektif terhadap konsep "kematerialan" (*materiality*) yang sering menjadi punca pertikaian tuntutan antara syarikat insurans dengan pemegang polisi insurans (Isa & Ismail, 2022).[14] Pembaharuan tersebut juga sejajar dengan perkembangan perundangan antarabangsa yang bertujuan mengurangkan kesan yang terlalu keras (*draconian consequences*) daripada pelaksanaan kewajipan pendedahan, dengan memastikan bahawa remedi bagi kegagalan membuat pendedahan adalah setimpal dengan tahap keseriusan keingkaran pihak yang diinsuranskan dan bukannya berdasarkan ketidakpatuhan prosedur semata-mata (Razali, 2021).[15]

Melalui pelaksanaan pembaharuan ini, pasaran insurans Malaysia berpotensi mengurangkan ketidakseimbangan struktur yang lazimnya wujud dalam kontrak piawai (*boilerplate contracts*), malahan penggubalan klausa secara unilateral oleh syarikat insurans dan pengendali takaful sering memburukkan lagi ketidakseimbangan maklumat serta memudahkan penolakan tuntutan pada peringkat awal (Hartono & Lie, 2025).[16] Bagi merealisasikan matlamat tersebut, pembaharuan perundangan sewajarnya mewajibkan syarikat insurans dan pengendali takaful memberikan penjelasan yang jelas, mudah difahami dan komprehensif mengenai keperluan pendedahan dalam borang soal selidik atau cadangan, supaya pengguna memahami sepenuhnya tanggungjawab yang dipikul sebelum kontrak dimeterai. Di samping itu, pelaksanaan remedi yang lebih fleksibel dan bersifat berkadar akan memastikan perlindungan insurans tidak dilucutkan sepenuhnya akibat kesilapan yang tidak disengajakan, sekali gus

[11] Sum, C. Y. (2020). The quagmire of utmost good faith in insurance law (pp. 48–70) in the book The Future of the Law of Contract. https://doi.org/10.4324/9780429056550-4
[12] Albalawi, K. M. (2021). Critical evaluation of English and Saudi insurance law: A case for reform. *RUDN Journal of Law*, 25(2), 582–600. https://doi.org/10.22363/2313-2337-2021-25-2-582-600
[13] Mahdzir, N. (2009). Basis of contract clause: Balance between law and ethics. Universiti Utara Malaysia Institutional Repository (Universiti Utara Malaysia).
[14] Isa, A., & Ismail, R. F. (2022). Predicting Factors of the Life Insurance Policyholder's Self-Disclosure on Medical History Information. *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences*, 12(2). https://doi.org/10.6007/ijarafms/v12-i2/14260
[15] Razali, A. F. H. M. A. DR. S. S. (2021). Remedies for Misrepresentations in Takaful Contract: Current Industry Practice in Malaysia. *Hamdard Islamicus*, Vol. XLIV, No.3, 63-85. https://doaj.org/article/7fd4cff47b9745a0a70e39668f173535
[16] Hartono, M. K., & Lie, G. (2025). Harmonization of Standard Insurance Clauses: A Consumer Protection and Fairness Perspective. *Academia Open*, 10(2). https://doi.org/10.21070/acopen.10.2025.12912

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

menyelaraskan industri insurans Malaysia dengan piawaian antarabangsa semasa yang lebih menekankan perlindungan pengguna (Bach, 2025).[17]

Prinsip-prinsip Insurans Yang Berasaskan Undang-undang Kontrak

Doktrin asas *uberrimae fidei* atau niat baik sepenuhnya merupakan prinsip tafsiran yang asas dalam kontrak insurans. Walau bagaimanapun, penerapannya perlu dimodenkan bagi mengambil kira ketidakseimbangan kuasa tawar-menawar yang wujud dalam hubungan kontraktual pada masa kini (Soyer, 2022).[18] Pendekatan ini penting bagi memastikan prinsip niat baik sepenuhnya berfungsi sebagai mekanisme untuk mengekalkan integriti kontrak dan bukannya dijadikan alasan untuk mengelakkan liabiliti di bawah polisi insurans (Evi et al., 2025).[19] Di samping itu, pentafsiran moden terhadap prinsip tersebut memerlukan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap kaedah contra proferentem dalam mentafsir peruntukan polisi yang kabur atau tidak jelas. Pendekatan ini bertujuan memastikan perlindungan yang diberikan kepada pihak yang diinsuranskan adalah selaras dengan prinsip keadilan, kesaksamaan dan amalan urus niaga yang adil (Wintarsih et al., 2025).[20] Penyesuaian semula terhadap pendekatan pengawasan kehakiman ini akan memperkasakan mahkamah untuk mengetepikan atau mengubah suai syarat kontrak yang tidak adil, sekali gus membendung penggunaan klausa yang bersifat menindas dan menjejaskan hak-hak asas pihak yang diinsuranskan (Ahmed, 2025).[21]

Perkembangan perundangan terkini di beberapa bidang kuasa lain turut menunjukkan bahawa peralihan daripada model pendedahan mutlak kepada model yang berasaskan kewajipan menjalankan penjagaan yang munasabah (reasonable care) berpotensi mengurangkan pertikaian yang berpunca daripada kecuaian prosedural yang kecil atau tidak material (Yeo, 2014). [22] Dalam konteks ini, pengintegrasian pelbagai lapisan pengawalseliaan, termasuk kewajipan undang-undang yang lebih ketat untuk memberikan penjelasan kepada pengguna (duty to explain) serta pengenalan mekanisme sekatan pentadbiran yang seragam, mampu melindungi pengguna daripada kesan ketidakseimbangan maklumat, di samping memperkukuhkan autonomi proses pembentukan kontrak. Pembaharuan sedemikian hendaklah mengambil kira hakikat bahawa kebanyakan pengguna mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang terhad dalam bidang insurans. Oleh itu, dasar pengawalseliaan sewajarnya memberi keutamaan kepada jangkaan munasabah pemegang polisi (*legitimate policyholder*

[17] Bach, T. N. N. (2025b). Modernizing Duty of Disclosure in Insurance Law in Vietnam's Transitioning Economy: The Need for a Policyholder-Centric Approach. *International Review of Financial Consumers*, 10(2), 2–16. https://doi.org/10.2478/irfc-2025-0005
[18] Soyer, B. (2022). Use of Big Data Analytics and Sensor Technology in Consumer Insurance Context: Legal and Practical Challenges. *The Cambridge Law Journal*, 81(1), 165–194. https://doi.org/10.1017/s0008197322000010
[19] Evi, E., Tinambunan, H. S. R., & Jalianery, J. (2025). The Principle of Utmost Good Faith in Insurance Following the Decision of the Constitutional Court of the Republic of Indonesia Number 83/PUU-XXII/2024. *Pena Justisia Media Komunikasi Dan Kajian Hukum*, 24(1), 7632–7646. https://doi.org/10.31941/pj.v24i2.6940
[20] Wintarsih, W. W., Nurastriani, N., & Fransisca, E. D. (2025). Legal Interpretation of Insurance Policies in Dispute Resolution: A Study of Decision No. 247/Pdt.G/2022/PN Bks. *Fiat Justisia Jurnal Ilmu Hukum*, 19(2), 203–218. https://doi.org/10.25041/fiatjustisia.v19no2.4175
[21] Ahmed, B. H. (2025). Modern Mechanisms for Combating Abusive Clauses in Insurance Documents "A Comparative Study". *Journal of Law and Sustainable Development*, 13(4). https://doi.org/10.55908/sdgs.v13i4.4385
[22] Yeo, H. Y. (2014). Call for consumer reform of insurance law in Singapore. *Singapore Academy of Law Journal*, 26(1), 215. http://search.informit.com.au/fullText;dn=254089012682681;res=IELHSS

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

expectations) berbanding hak unilateral syarikat insurans untuk membatalkan perlindungan hanya berdasarkan kesilapan kecil yang tidak bersifat material (Amajuoyi & Fejős, 2023)[23]

Selaras dengan pendekatan tersebut, prosiding pembuktian di mahkamah hendaklah mensyaratkan kedua-dua pihak membuktikan bahawa mereka telah mematuhi prinsip niat baik sepenuhnya, termasuk memastikan syarikat insurans dan pengendali takaful mengendalikan tuntutan selaras dengan terma dan syarat polisi yang telah dipersetujui (Musjab, 2024).[24] Selain itu, perubahan kerangka pengawalseliaan ini memerlukan campur tangan kehakiman yang lebih aktif dalam mengaplikasikan kaedah contra proferentem terhadap kontrak standard *(standard-form contracts*), bagi mengelakkan syarikat insurans daripada mengeksploitasi bahasa pengecualian yang kabur atau samar bagi menafikan liabiliti (Senotrusova & Ivanchey, 2023)[25]

Melalui penguatkuasaan yang konsisten terhadap kaedah tafsiran ini, mahkamah dapat menghalang syarikat insurans dan pengendali takaful daripada menggunakan istilah yang tidak tepat atau kabur sebagai strategi untuk mengelakkan tanggungjawab perlindungan yang dipersetujui. Pendekatan ini secara tidak langsung menggalakkan penggubalan klausa pengecualian yang lebih jelas, tepat dan mudah difahami. Keperluan sistemik terhadap ketepatan bahasa ini seterusnya mengehadkan keupayaan syarikat insurans dan pengendali takaful untuk bergantung kepada klausa pengecualian piawai (*boilerplate exoneration clauses*) yang bersifat umum dan kabur bagi menafikan liabiliti, sekali gus mengurangkan ketidakseimbangan struktur yang sering wujud dalam proses pengendalian dan pelarasan tuntutan insurans (Hartono & Lie, 2025).[26]

Implikasi Terhadap Syarikat Insurans dan Pengendali Takaful

Peningkatan penggunaan klausa "Tiada Klausa Pandang Belakang" mengehendaki syarikat insurans dan pengendali takaful beralih daripada amalan pengunderaitan yang bergantung kepada siasatan selepas kontrak dimeterai kepada proses penilaian yang lebih teliti pada peringkat awal sebelum polisi dikeluarkan. Peralihan ini secara tidak langsung meletakkan beban pematuhan pada peringkat pembentukan kontrak atau ketika polisi mula berkuat kuasa (Tiwari & Shukla, 2022).[27] Dengan menggalakkan pelaksanaan usaha wajar yang lebih menyeluruh sebelum kontrak dimeterai, perubahan pengawalseliaan ini berpotensi mengurangkan risiko hazad moral yang timbul akibat penemuan fakta hanya selepas tuntutan dikemukakan. Hal ini memaksa penanggung insurans mengenal pasti semua risiko material sebelum perlindungan insurans dipersetujui (Benbouaicha, 2025).[28]

[23] Amajuoyi, U., & Fejős, A. (2023). Mind the Consumer Protection Gap: The UK Financial Ombudsman Service, *Fairness and Reasonableness, and the Law* (pp. 253–281). https://doi.org/10.1163/9789004534391_014
[24] Musjab, I. (2024). Application Of Utmost Good Faith Principles In Resolving Insurance Claim Disputes In Indonesian Courts. *Journal of Law Politic and Humanities*, 4(4), 973–983. https://doi.org/10.38035/jlph.v4i4.434
[25] Senotrusova, E. M., & Ivanchey, V. (2023). Mala Fides Insurance Agents at the Stage of Acquisition. *Bulletin of Kemerovo State University Series Humanities and Social Sciences*, 2023(2), 250–258. https://doi.org/10.21603/2542-1840-2023-7-2-250-258
[26] *Ibid* no. 15.
[27] Tiwari, P. K., & Shukla, G. (2022). The Disproportionate Rights and Duties of the Insurer and the Insured in Fiji. *Business Law Review*, 43, 77–84. https://doi.org/10.54648/bula2022011
[28] Benbouaicha, C. (2025). Applying Insurance Principles Across Jurisdictions. *Science Education and Innovations in the Context of Modern Problems*, 8(3), 767–774. https://doi.org/10.56334/sei/8.3.48

International Journal of Law, Government and Communication
EISSN : 0128-1763
Volume: 11 Issue: 45 (September 2026) PP. 805-819

Peralihan kepada pendekatan pengunderaitan yang lebih proaktif ini mengurangkan kebergantungan terhadap penemuan fakta selepas berlakunya kerugian sebagai alasan untuk membatalkan kontrak, sekali gus mewujudkan hubungan yang lebih stabil antara syarikat insurans dengan pemegang polisi. Walau bagaimanapun, sekiranya klausa "Tiada Klausa Pandang Belakang" digubal tanpa kejelasan yang mencukupi, klausa tersebut berisiko tertakluk kepada pemakaian kaedah contra proferentem, yang menghendaki sebarang kekaburan dalam kontrak standard ditafsirkan memihak kepada pihak yang diinsuranskan (Wrede et al., 2020).[29] Oleh itu, syarikat insurans hendaklah memastikan bahawa klausa pengecualian yang digubal bukan sahaja jelas dari sudut teknikal, malah telus dan mudah difahami dari sudut substantif bagi mengelakkan peruntukan tersebut diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah (Hall & Anderson, 1992).[30]

Penyesuaian proaktif terhadap kehendak pengawalseliaan ini turut menuntut syarikat insurans dan pengendali takaful meninggalkan tanggapan bahawa pengurangan perlindungan secara kontraktual sentiasa membawa kepada pengurangan risiko. Sebaliknya, setiap klausa pengecualian hendaklah berasaskan kepada keperluan yang sebenar dan bukannya digunakan sebagai mekanisme untuk mengalihkan liabiliti secara strategik kepada pemegang polisi (He et al., 2023).[31] Selain itu, implikasi kewangan yang timbul daripada kewajipan tersebut hendaklah dinilai secara menyeluruh bagi memastikan premium yang diselaraskan mengikut risiko benar-benar mencerminkan tahap perlindungan yang diberikan. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan syarikat insurans dan pengendali takaful mengeksploitasi fleksibiliti kontrak untuk menyembunyikan keuntungan yang berpotensi diperoleh sehingga menjejaskan kepentingan pemegang polisi (Kilian, 2024).[32]

Akhirnya, penyelarasan klausa-klausa tersebut dengan penilaian risiko yang objektif membolehkan sistem perundangan beralih daripada pendekatan yang membenarkan penafian perlindungan secara retrospektif berdasarkan syarat yang tidak mempunyai hubungan kausal dengan risiko pada masa kontrak dimeterai (Song, 2023).[33] Perkembangan ini mencerminkan perubahan pendekatan kehakiman yang lebih mengutamakan tafsiran yang bersifat bertujuan dan kontekstual berbanding tafsiran literal yang kaku, yang sebelum ini sering membenarkan penggunaan meluas klausa piawaiyang mengelirukan. samping itu, perkembangan tersebut turut memerlukan pelaksanaan mekanisme pengesahan yang lebih mantap bagi membezakan antara salah nyata yang bersifat material dengan ketidakpatuhan teknikal yang tidak mempunyai kesan material. Melalui penetapan ambang kematerialan yang jelas, pihak pengawal selia dapat menghalang syarikat insurans dan pengendali takaful daripada

